



Ruj. Kami : PAR.600.2/1/1/1(31)

Tarikh : 11 Mei, 2015

**Yang Berhormat
Ahli-ahli Dewan Negara.**

Yang Berhormat,

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA, PARLIMEN KETIGA BELAS

Dengan hormatnya dimaklumkan menurut Peraturan 8(2)(a), Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara iaitu Mesyuarat Kedua, Penggal Ketiga, Parlimen Ketiga Belas akan diadakan pada tarikh-tarikh yang berikut:-

1. **TARIKH-TARIKH MESYUARAT**

DEWAN NEGARA

1. Isnin	22 Jun, 2015	7. Selasa	30 Jun, 2015
2. Selasa	23 Jun, 2015	8. Rabu	1 Julai, 2015
3. Rabu	24 Jun, 2015	9. Khamis	2 Julai, 2015
4. Khamis	25 Jun, 2015	10. Isnin	6 Julai, 2015
5. Isnin	29 Jun, 2015	11. Selasa	7 Julai, 2015

Jumlah Hari Mesyuarat = 10 hari

Bagi tarikh-tarikh mesyuarat Dewan Rakyat pula bolehlah diperoleh melalui capaian di laman web berikut:

<http://www.parlimen.gov.my/takwim-dewan-rakyat.html>.

2. **TARIKH-TARIKH MESYUARAT KETIGA TAHUN 2015**

***Mesyuarat Ketiga – 7 Disember hingga 22 Disember 2015 (10 hari).**

3. WAKTU PERSIDANGAN

Waktu persidangan ialah dari pukul **10.00 pagi hingga 1.00 tengah hari dan 2.30 petang hingga 5.30 petang** pada hari Isnin, Selasa, Rabu dan Khamis.

4. TEMPAT MESYUARAT

Mesyuarat-mesyuarat Majlis Mesyuarat Dewan Negara akan diadakan di **Dewan Mesyuarat Dewan Negara, Blok Dewan Sementara, Bangunan Parlimen, Kuala Lumpur.**

5. TARIKH TUTUP MENERIMA PEMBERITAHUAN

5.1 Adalah dimaklumkan iaitu, pemberitahuan-pemberitahuan **urusan** untuk dipertimbangkan di Mesyuarat ini hendaklah dihantar seberapa segera yang boleh dan sampai kepada saya tidak lewat daripada tarikh yang berikut:

**Jumaat, 29 Mei, 2015 - Berkaitan dengan PERTANYAAN-
jam 5.00 ptg. PERTANYAAN (JAWAB LISAN dan
BERTULIS) serta USUL-USUL**

5.2 **Nombor-nombor Faks untuk menghantar Pertanyaan
Lisan/Bertulis/Usul.**

Pejabat Setiausaha Dewan Negara

Y.Bhg. Encik Riduan bin Rahmat

Nombor Faks : 03-20700986

Pejabat Setiausaha Bahagian Pengurusan Dewan Negara

Encik Muhd Sujairi Abdullah

Nombor Faks: 03-20201679

Seksyen Perundangan dan Prosiding Dewan Negara

Cik Farah Nurdiana binti Azhar

Ketua Penolong Setiausaha

Nombor Faks : 03-20201679

Encik Alfian bin Mesebah

Penolong Setiausaha Kanan

Nombor Faks : 03-20201679

5.3 Ahli-ahli Yang Berhormat diharap dapat menghantar pemberitahuan-pemberitahuan urusan masing-masing bagi Mesyuarat ini sebanyak **dua salinan** dan berasingan bagi:

5.3.1 **Pertanyaan-pertanyaan Bagi Jawab Lisan dan Bertulis**

- i. Seseorang Ahli boleh bertanya **tidak lebih daripada 20 pertanyaan bagi Jawab Lisan.**
- ii. Seseorang Ahli boleh bertanya **tidak lebih daripada 5 pertanyaan bagi Jawab Bertulis.**
- iii. Pertanyaan-pertanyaan hendaklah padat dan ringkas dan seboleh-bolehnya tidak melebihi empat puluh perkataan tanpa mengira nama dan kawasan Ahli yang bertanya dan Menteri yang bertanggungjawab; dan
- iv. tidak boleh mengandungi lebih daripada dua pertanyaan yang berlainan atau gabungan lebih daripada dua pertanyaan.

5.3.2 **Usul-usul.**

5.4 **Satu nota mengenai Pertanyaan-pertanyaan dan Usul-usul disertakan bersama ini untuk panduan Yang Berhormat.**

6. Bagi memudahkan urusan surat-menyurat, adalah diharap Yang Berhormat dapat memberi butir alamat kediaman dan nombor telefon masing-masing **(sebaik-baiknya no. telefon bimbit)** sama ada secara perseorangan ataupun berkumpulan semasa berada di Kuala Lumpur dalam masa persidangan bagi membolehkan pejabat ini menghantar kertas-kertas yang lewat dikirim dan lain-lain perkara yang berkaitan dengan mesyuarat ini.
7. Ahli-ahli Yang Berhormat adalah diingatkan bahawa Pemberitahuan Pertanyaan-pertanyaan, Usul-usul dan lain-lain, **hendaklah dibuat dalam Bahasa Malaysia dan ditandatangani. Walau bagaimanapun terjemahan pertanyaan-pertanyaan dalam bahasa Inggeris amatlah dialu-alukan dan sangat dihargai.**

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



[RIDUAN RAHMAT]
Setiausaha Dewan Negara
Parlimen Malaysia.

DEWAN NEGARA**NOTA****PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Lihat Peraturan-peraturan Mesyuarat 20, 21, 22, 23, 24)

1. Tertakluk kepada angka **maksimum 20 pertanyaan bagi Jawab Lisan dan 5 Pertanyaan bagi Jawab Bertulis** yang dibolehkan, seorang Ahli Dewan Negara boleh mengeluarkan tidak lebih daripada tiga pertanyaan Jawab Lisan pada satu hari Persidangan Dewan Negara. Jika seseorang Ahli Dewan Negara menghantar **lebih daripada tiga pertanyaan** bagi Jawab Lisan, beliau hendaklah menandakan pada tiap-tiap pertanyaan itu akan tarikh mesyuarat beliau berkehendakkan jawapan kepada pertanyaan itu.
2. Sesuatu Pertanyaan itu hendaklah terang maksudnya serta :-
 - (i) Padat dan ringkas dan seboleh-bolehnya tidak melebihi **empat puluh perkataan** tanpa mengira nama dan kawasan ahli yang bertanya dan Menteri yang bertanggungjawab;
 - (ii) Tidak boleh mengandungi **lebih daripada dua pertanyaan yang berlainan** atau **gabungan lebih daripada dua pertanyaan**; dan
 - (iii) Ayatnya hendaklah disusun dengan terang dan betul dan hendaklah dimulakan seperti berikut:

“(Nama Ahli) minta Menteri
menyatakan”

3. Sesuatu pertanyaan hendaklah benar-benar bertepatan dengan syarat-syarat Peraturan Mesyuarat 22(1). Selain daripada itu sesuatu pertanyaan hendaklah kena mengena dengan tanggungjawab sesebuah Kementerian atau Jabatan Persekutuan, dan tidak berkaitan dengan perkara dalam tanggungjawab sesebuah Kerajaan Negeri (Lihat Senarai II dalam jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan).

USUL-USUL

(Lihat Peraturan-peraturan mesyuarat 25 hingga 33)

Sesuatu Usul hendaklah dikarang dengan terang dan betul. Seseorang Ahli Dewan Negara yang menghantar lebih daripada satu Usul untuk Mesyuarat Dewan Negara hendaklah menentukan susunan usulnya, yakni yang mana usul yang hendak didahulukan dan yang mana hendak dikemudiakan.

UCAPAN PENANGGUHAN

(Lihat Peraturan Mesyuarat 16)

4. Ucapan penangguhan tidak boleh dibuat dalam Mesyuarat Pertama dalam satu-satu penggal atau dalam Mesyuarat di mana Rang Undang-undang Perbekalan ditimbangkan.

Tertakluk kepada Peruntukan di atas, seseorang Ahli Dewan Negara yang menghantar pemberitahuan ucapan Penangguhan, **hendaklah juga menyertakan bersama satu teks ucapan yang lama masanya ialah 7 ½ minit supaya Menteri yang akan menjawab dapat menyediakan jawapannya [Sila lihat Peraturan Mesyuarat 16 (3)]**. Seseorang Ahli yang menghantar lebih daripada satu Ucapan Penangguhan untuk satu mesyuarat Dewan Negara hendaklah juga menentukan berapa hari bulan mesyuarat beliau bercadang hendak membuat tiap-tiap ucapan itu.